

27 NOV 1997

GOLONGAN KARYAWAN SOKONG DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Golongan Karyawan Malaysia hari ini mengadakan perhimpunan untuk berikrar bagi menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam menangani sebarang campurtangan asing terhadap kepimpinan negara.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur perhimpunan itu, Encik Abdul Rahman Hassan berkata pihaknya akan menyerahkan satu memorandum kepada Perdana Menteri secepat mungkin sebaik sahaja beliau kembali dari luar negara.

"Kini urusan untuk membolehkan memorandum itu diserahkan kepada Perdana Menteri sedang diuruskan," katanya kepada pemberita selepas acara menandatangani memorandum itu oleh 16 pemimpin karyawan di sini.

Golongan Karyawan Malaysia membabitkan budayawan, penulis, wartawan, penggiat dan pengamal seni suara dan muzik, seni lakon, seni filem, seni tari, pencipta dan penggubah lagu.

Sebelum itu dalam ucapannya, Abdul Rahman yang juga Presiden Persatuan Penyanyi, Pemuzik, dan Penulis Lagu Tanah Air (PAPITA) berkata perhimpunan itu membuktikan bahawa golongan seni juga tidak ketinggalan menyokong kepimpinan negara dalam mempertahankan maruah dan kedaulatan negara.

Katanya golongan karyawan juga berdiri teguh di belakang Dr Mahathir untuk meneruskan kepimpinannya kerana negara masih memerlukan beliau untuk membawa negara mencapai matlamat Wawasan 2020.

Antara persatuan yang menyertai perhimpunan itu Gabungan Persatuan Karyawan Filem Malaysia yang diwakili Presidennya Encik Othman Hafsham, Majlis Muzik Malaysia (Presidennya Encik Ali Bakar), Persatuan Seniman Malaysia (Presidennya Datuk Ismail Hutson) dan Persatuan Wartawan Melayu Malaysia (PWW) yang diwakili oleh Naib Presidennya Encik Azman Ujang.--Bernama

HT oba